

NYSTATIN



A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

- + Ubat ini untuk merawat jangkitan kulat

B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- + Ubat ini bertindak dengan membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

A. CARA MAKAN/GUNA

- + Ambil ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- + Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama
- + Rujuk maklumat dibawah untuk cara pengambilan berdasarkan bentuk dos
- + Tablet: Diambil dengan menelan tablet 'film-coated' dengan segelas air
- + Suspensi:
 - + Goncang suspensi dengan baik sebelum digunakan
 - + Gunakan penyukat yang telah disediakan
 - + Biarkan suspensi nystatin di dalam mulut beberapa ketika sebelum menelannya
 - + Jangan ambil bersama-sama makanan



C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

Don't
FORGET!

✚ Pesari: Merawat jangkitan kulat pada faraj

Cara guna;

1. Basuh tangan.
2. Baca label ubat yang telah diberikan.
3. Buangkan pembungkus daripada pesari.
4. Gunakan alat pemakai semasa ingin memasukkan pesari, namun sekiranya anda hamil, gunakan tangan untuk memasukkan pesari tersebut.
5. Semasa baring, buka kaki seperti dalam gambar dan masukkan pesari.
6. Tekan pada penekan alat pemakai untuk memasukkan pesari kemudian keluarkan alat pemakai.
7. Tunggu dan baring selama 15 minit untuk mengelakkan pesari terkeluar dari faraj.
8. Basuh tangan setelah selesai.



C. BAGAIMANA UBATINI DIGUNAKAN?



B. JIKA TERLUPA

- ✚ Makan/guna dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ✚ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBATINI?

- ✚ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik ($23^{\circ}\text{C} - 27^{\circ}\text{C}$), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.

D. PERINGATAN !!!



➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mempunyai sejarah alahan
- Mengambil sebarang ubat, vitamin, produk herba atau makanan kesihatan tambahan, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.
- Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan

➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- Mengalami kesan sampingan yang berlarutan
(contoh: cirit-birit)
- Didapati hamil dan memberi susu badan
- Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini



AMARAN !!

E. KESAN SAMPING UBAT

SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR

✿ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- Loya
- Muntah
- Cirit birit
- Tidak selesa pada perut

Rujukan:

1. <http://www.drugs.com/nystatin.html>
2. American Pharmacist Association. Drug Information Handbook (2013 – 2014). 22nd edition. Lexicomp.
3. https://www.uptodate.com/contents/nystatin-oral-drug-information?search=nystatin&source=search_result&selectedTitle=1~49&usage_type=default&display_rank=1#F9490194

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394
